

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 8.3.2017

SOALAN :

**Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan tentang :-**

- (a) pelaksanaan autonomi dan penurunan kuasa Kementerian kepada Jabatan Pelajaran Negeri dan pembinaan SMK Paris dan SMK Sukau; dan
- (b) bantuan kecemasan terhadap kejadian kebakaran asrama desa SK Tongod baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah pun melaksanakan Perwakilan Kuasa Pegawai Pengawal di bawah Arahan Perbendaharaan (AP11) bagi pengurusan kewangan dan akaun di semua Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KPM sebelum ini termasuk di negeri Sabah. Hal ini bermaksud Jabatan Pendidikan Negeri Sabah boleh melaksanakan urusan tender dan melantik kontraktor bagi perolehan kerja/perkhidmatan sehingga amaun 5 juta ringgit yang berkuat kuasa mulai 1 April 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan bangunan SMK Paris, Kinabatangan telah mendapat kelulusan dalam *Rolling Plan Pertama (RP1)*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Status terkini projek dalam proses mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (*Development Plan*) daripada pihak Majlis Berkuasa Tempatan. Manakala, permohonan pembinaan bangunan gantian penuh SMK Sukau, Kinabatangan masih belum diluluskan walaupun telah dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) kerana kerajaan perlu memberi keutamaan kepada projek lain yang lebih kritikal. KPM telah mengemukakan semula permohonan tersebut untuk pertimbangan dan kelulusan dalam *Rolling Plan (RP) 1, RP2 dan RP3 RMKe-11*.

- b) Peruntukan awalan sebanyak RM20 ribu telah disalurkan sebagai bantuan kecemasan kepada SK Tongod yang mengalami kebakaran asrama desa. Peruntukan tersebut untuk penyediaan bilik mandi, tandas dan keperluan asrama. Bangunan asrama lama SMK Tongod, Telupid telah dijadikan asrama sementara kepada SK Tongod.